

Ucapan: 02/08/2017

Majlis Perasmian Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN, Bukit Kiara

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim Bin Seman

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian; Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan;

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berusaha Dr. Mohd Gazali bin Abas

Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Pengarah-Pengarah Bahagian JPA

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan INTAN

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi yang terlibat dengan pelaksanaan modul bagi Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2017,

dan seterusnya saudara dan saudari peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2017.

PENDAHULUAN

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat bertemu dalam Majlis Perasmian Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2017 pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan **ucapan tahniah dan syabas kepada saudara dan saudari kerana berjaya terpilih sebagai peserta Program DPA INTAN Tahun 2017.** *We expect the best from all of you, as you represent the 0.39% chosen from over 100,000 applicants.*

Dalam menjalani kursus DPA, saudara dan saudari bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran, baik fizikal mahupun mental dan emosi. Kesemua program dan aktiviti yang dirangka adalah untuk menyediakan saudara-saudari bagi menempuh cabaran yang bakal ditempa apabila berkhidmat di kementerian atau jabatan kerajaan. Oleh itu, **ambillah peluang untuk meningkatkan kemahiran, kompetensi serta pengertian anda terhadap kepentingan perkhidmatan awam** sebagai peserta Program DPA INTAN.

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

3. Tahun ini, kita menyambut ulang tahun ke-60 kemerdekaan. Bermula daripada ekonomi bersandarkan komoditi, kita sudah berkembang menjadi sebuah negara perindustrian

dan kini mengorak langkah menjadi sebuah ekonomi berasaskan digital atau *digital economy*. Ini adalah seiring dengan persediaan negara bagi mengambil peluang daripada Fourth Industrial Revolution yang bakal kita harungi.

4. Negara kita telah melaksanakan dengan jayanya Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi ETP dan GTP. Kejayaan ini diakui oleh pihak antarabangsa termasuk IMF dan Bank Dunia, masing-masing meningkatkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara ke 4.8% dan 4.9% daripada unjuran asal tidak melebihi 4.5%.
5. Oleh yang demikian, Kerajaan, khususnya YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, telah menzahirkan rancangan jangka panjang untuk melonjakkan kedudukan Malaysia menjadi antara 20 buah negara maju menjelang tahun 2050. Bertitik tolak daripada hasrat ini, inisiatif Transformasi Nasional 2050 (TN50) diperkenalkan. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan penyertaan rakyat Malaysia secara inklusif dalam membantu kepimpinan negara menetapkan matlamat dan hala tuju Malaysia menjelang 2050. Pendekatan ini berbeza sekali dengan pimpinan bekas Perdana Menteri kita sewaktu Wawasan 2020 diperkenalkan. Bekas Perdana Menteri tersebut tidak menyediakan ruang untuk rakyat memberikan pandangan atau cadangan. Kepimpinan secara top-down menyebabkan tiada engagement dibuat dengan rakyat.
7. *Looking at the recent revolutionary advancement transcending socio-economic sectors and fabric, one does not need to own real estate properties to operate accommodation and hospitality services such as Airbnb; neither do you need to own fleet of cars in the business of transporting people such as Uber and Grab.*
8. Perkhidmatan awam pada hari ini pasti juga akan mengalami perubahan. Saudara dan saudarilah yang akan memainkan peranan penting dalam mencorak perkhidmatan awam yang futuristik dan terus memenuhi ekspektasi stakeholders, terutama rakyat menjelang TN50 nanti.
9. . Oleh yang demikian, saya mahukan agar Program DPA INTAN ini dijadikan platform oleh saudara dan saudari untuk menzahirkan idea dan aspirasi kerana saudara dan

saudarilah pemimpin yang akan mengemudi bahtera perkhidmatan awam dalam melestari kemajuan negara memasuki era baharu pada tahun 2050 kelak.

KESETIAAN KEPADA RAJA, NEGARA DAN KERAJAAN

10. Sebagai penjawat awam, kita adalah **duty-bound** untuk **melafazkan taat setia kepada Raja, Negara dan Kerajaan** yang memerintah, sepertimana digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya juga sentiasa mengingatkan Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua jabatan serta para penjawat awam mengenai tanggungjawab ini. Oleh yang demikian, saya mengharapkan **kesetiaan saudara-saudari sekalian yang tidak berbelah-bahagi kepada Kerajaan kita. *Nothing less than total loyalty to our Government.* Bagi mereka yang tidak mempunyai pandangan sama, maka bertugas dalam perkhidmatan awam adalah tidak sesuai untuk mereka.**

INTEGRITI DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

11. **Integriti merupakan elemen yang harus diberi perhatian.** Integriti perlu disemai dalam diri masing-masing bermula dari sekarang iaitu semasa saudara dan saudari masih lagi muda dalam Perkhidmatan Awam. Integriti sentiasa menjadi faktor utama ke atas kegemilangan atau kejatuhan sesebuah organisasi.
12. Selaku bakal pemimpin negara pada masa depan, saudara dan saudari bukan sahaja perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kelayakan akademik yang mencukupi, malah perlu sentiasa mengamalkan budi pekerti yang luhur dan tahap budi bahasa yang tinggi.

SOCIAL MEDIA LITERACY

13. Saya juga ingin menyeru saudara dan saudari sekalian untuk menjadi **agen penyampaian hasrat Kerajaan yang direncanakan melalui dasar dan program perkhidmatan awam, kepada rakyat.** Manfaatkanlah media sosial masing-masing, samada melalui Twitter, Facebook dan Instagram untuk mewawarkan program dan inisiatif Kerajaan.
14. Dalam kita menggunakan media sosial, **jangan sekali-kali terjebak dan terpengaruh dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memburukkan nama Negara dan Kerajaan.** Harus diingat di sini, sebagai penjawat awam, **kita tertakluk kepada Perintah Am (General Orders)** dan pekeliling lain mengenai tatakelakuan penjawat awam, **samada dalam aspek peribadi mahupun ketika menjalankan tugas rasmi.** Oleh itu, janganlah terkejut sekiranya tindakan tatatertib diambil ke atas saudara-saudari yang melanggar peraturan-peraturan tersebut.

PENUTUP

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **tahniah kepada JPA dan INTAN** yang saban tahun tanpa jemu dan penuh dedikasi melatih, mendidik dan membentuk kecemerlangan modal insan PTD Muda melalui Program DPA ini. **Terima kasih juga kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)** yang telah melaksanakan proses pengambilan PTD Tahun 2017 bermula daripada peperiksaan atas talian sehinggalah kepada temu duga.
16. Harapan saya ialah semoga saudara dan saudari dapat meneruskan serta menyemarakkan lagi obor kecemerlangan Perkhidmatan Awam kerana anda semua adalah penyambung sebuah warisan perkhidmatan yang gemilang.
17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2017.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh.

Terima kasih.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19098/Majlis-Perasmian-Program-Diploma-Pascasiswazah-Pengurusan-Awam-DPA-INTAN-Bukit-Kiara>